

Newspaper	Berita Harian
Date	30/09/2012

## Dr M terima Anugerah Peringatan Rafik Hariri

BH-30/9/2012

**New York:** Tun Dr Mahathir Mohamad menerima Anugerah Peringatan Rafik Hariri Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)-Habitat 2012 pada satu majlis di Perpustakaan Awam di sini malam kelmarin.

Anugerah itu disampaikan Nazek Rafik Hariri, balu pemimpin itu yang juga Presiden Yayasan Rafik Hariri.

Bekas Perdana Menteri Malaysia berusia 87 itu dinamakan sebagai pemenang anugerah itu pada Jun lalu oleh jawatankuasa pemandu bagi mengiktiraf kepimpinan, kenegarawan dan tadbir urus baik beliau.

### **Iktiraf pencapaian**

Anugerah itu, yang dinamakan sempena Perdana Menteri Lubnan, Rafik Hariri, yang sudah meninggal dunia, diwujudkan oleh keluarga Hariri dengan kerjasama PBB-UN-Habitat menerusi Yayasan Rafik Hariri sejak Mac 2009.



Dr Mahathir **menerima anugerah** daripada Nazek di New York, malam kelmarin. [ FOTO BERNAMA ]

Ia diberi kepada individu, pertubuhan serta institusi di seluruh dunia bagi mengiktiraf pencapaian penting seperti kepimpinan, kenegarawan dan tadbir urus baik selain aktiviti kebajikan dalam membanteras kemiskinan bandar dan pelaksanaan Agenda Habitat.

Dr Mahathir adalah penerima kedua selepas Perdana Menteri Turki, Recep Tayyip Erdogan.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Rafik Hariri dan PBB-Habitat kerana memberikan anugerah berprestij itu kepada beliau tahun ini. **BERNAMA**